

**TAHAP KEMAHIRAN AL-QURAN DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN (SMK) DI DAERAH
KOTA BHARU**

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

ASILAH SOLEHAH BINTI MAT RAZALI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**TAHAP KEMAHIRAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) DI DAERAH KOTA
BHARU**

ASILAH SOLEHAH BINTI MAT RAZALI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada²⁷.....(hari bulan).....¹¹..... (bulan) 20..²⁴....

i. Perakuan pelajar :

Saya, ASILAH SOLEHAH BINTI MAT RAZALI (M20192001473) (FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TAHAP KEMAHIRAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) DI DAERAH KOTA BHARU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP KEMAHIRAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) DI DAERAH KOTA BHARU

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN ISLAM (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

5/12/2024

Tarikh


PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Tandatangan Penyelia
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TAHAP KEMAHIRAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) DI DAERAH KOTA BHARU

No. Matrik / Matric's No.: M20192001473

Saya / I: ASILAH SOLEHAH BINTI MAT RAZALI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (~~Kedoktoran~~/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 27/11/2024


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
PROF. Madya DR. NORHISHAM BIN MUHAMMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan pentadbir sekalian alam. Alhamdulillah, dengan keizinan dan rahmat-Nya kajian ini dapat diselesaikan dalam tempoh yang diberikan. Oleh itu, di dalam kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan buat pensyarah penyelia, Profesor Madya Dr. Norhisham Bin Muhammad di atas kesudian beliau meluangkan masa memberi tunjuk ajar dan menyumbangkan idea serta teguran bagi membimbing pengkaji menghasilkan satu kajian yang mempunyai nilai dalam dunia akademik semasa. Tidak ketinggalan juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih ditujukan buat ayahanda dan bonda tercinta, Mat Razali bin Mahmud dan Rakiah binti Husin yang sejak sekian lama telah bersusah payah membesarkan serta mendidik diri ini menjadi insan yang berguna.

Begitu juga buat kesemua adik beradik dan ipar duai yang disayangi iaitu Azama Murni, Adlina Murni, Azam Azhari, Aishah Radhiah, Ainin Afiah, Ahmad Syafiq dan Nabiilah, Azam Uzairi, Abdul Muhaimin dan Adlan Hakimi yang memberikan bantuan dan pertolongan dari segi kewangan, idea dan kata-kata semangat semasa kajian ini dilakukan. Semoga Allah membalas kalian dengan sebaik-baik ganjaran.

Setinggi penghargaan juga dirakamkan buat guru-guru SMK di sekitar daerah Kota Bharu, dan para pensyarah di Jabatan Pengajian Islam UPSI, staf-staf UPSI dan guru-guru di SMK Felcra Bukit Kepong, teman-teman sepengajian serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu menyiapkan latihan ilmiah ini. Jasa dan pertolongan yang diberikan sentiasa berada dalam ingatan dan menyerahkan kepada Allah untuk membalasnya. Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap penguasaan Kemahiran al-Quran pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Kota Bharu dari sudut bacaan, hafazan dan penguasaan dalam ilmu tajwid dan ilmu al-Quran. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu berdasarkan pemerhatian daripada rakaman yang dibuat manakala kaedah kauntitatif bagi mengumpulkan data melalui instrumen yang digunakan iaitu set soal selidik dan soalan ujian bagi mengukur tahap kemahiran al-Quran murid. Sampel kajian ini adalah melibatkan seramai 108 orang murid yang telah mengambil subjek Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) dari beberapa buah sekolah di daerah Kota Bharu. Data dianalisis secara deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, dan min dan data inferensi bertujuan untuk melihat sejauh mana perbezaan kemahiran yang diperoleh berdasarkan demografi responden dari sudut jantina dan kekerapan membaca al-Quran. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai interpretasi min bagi kemahiran al-Quran dari sudut pengetahuan tajwid berada pada tahap yang tinggi iaitu (min=4.28, sisihan piawai=0.66). Manakala nilai interpretasi min secara keseluruhan bagi kemahiran al-Quran berada pada tahap yang sederhana tinggi (min=3.28, sisihan piawai=0.34). Seterusnya, dapatan bagi analisis perbezaan antara tahap kemahiran al-Quran dengan jantina responden menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara kedua-duanya, manakala bagi kekerapan membaca al-Quran responden menunjukkan wujud perbezaan signifikan. Kesimpulannya, kajian ini telah memberikan gambaran yang jelas bahawa tahap kemahiran murid berada pada tahap yang kurang memuaskan walaupun murid mengetahui tajwid namun tidak dipraktikkan. Oleh itu, ia memerlukan sokongan dan perancangan yang rapi daripada pendidik dan para pelajar. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberi input dan nilai tambah kepada semua guru Pendidikan Islam di sekolah untuk memperbaiki kemahiran al-Quran dari sudut bacaan, hafazan al-Quran, pengetahuan tajwid dan ulum al-Quran.





THE LEVEL OF QURANIC SKILLS AMONG NATIONAL SECONDARY SCHOOL (SMK) STUDENTS IN THE KOTA BHARU DISTRICT

ABSTRACT

This study aims to identify the level of Quranic skills mastery among students in national secondary schools in the Kota Bharu district, focusing on recitation, memorization, and mastery of Tajweed and Quranic knowledge. The study employs a qualitative design based on observations from recordings, alongside a quantitative approach to collect data using a set of questionnaires and test questions to measure students' Quranic skills. The study sample involved 108 students who have taken the Quran Reading and Memorization Skills Class (KKQ) from several schools in the Kota Bharu district. The data were analyzed descriptively using frequency, percentage, and mean, while inferential data were used to examine the differences in skills obtained based on the demographic aspects of the respondents, specifically gender and the frequency of Quran reading. The findings indicate that the mean interpretation value for Quranic skills in terms of Tajweed knowledge is at a high level (mean=4.28, standard deviation=0.66). Meanwhile, the overall mean interpretation value for Quranic skills is at a moderately high level (mean=3.28, standard deviation=0.34). Furthermore, the analysis results show that there is no significant difference between Quranic skills and the gender of the respondents, whereas there is a significant difference based on the frequency of Quran reading. In conclusion, this study clearly indicates that students' Quranic skills are at an unsatisfactory level, as they know Tajweed but do not practice it. Therefore, it requires careful planning and support from both educators and students. The implications of this study are expected to provide input and added value to all Islamic Education teachers in schools to improve Quranic skills in terms of recitation, Quran memorization, Tajweed knowledge, and Quranic sciences.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Persoalan Kajian	12
1.7 Hipotesis Kajian	13
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.9 Kepentingan Kajian	14



1.9.1	Kementerian Pelajaran Malaysia	14
1.9.2	Guru	14
1.9.3	Pelajar	15
1.11	Batasan Kajian	15
1.12	Definisi Operasi	16
1.12.1	Kemahiran	16
1.12.2	Al-Quran	17
1.12.3	Kemahiran Al-Quran	17
1.13	Penutup	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Sejarah Perkembangan Pendidikan al-Quran	20
2.2.1	Zaman Rasulullah SAW	20
2.2.2	Zaman Sahabat	22
2.2.3	Zaman Kontemporari	27
2.3	Pusat Pendidikan Al-Quran	32
2.3.1	Darul Quran	32
2.3.2	Pondok	33
2.3.3	Sekolah Menengah Kebangsaan	34
2.4	Pendidikan Al-Quran	39
2.4.1	Pendidikan Al-Quran Secara Formal	39
2.4.2	Pendidikan Al-Quran Secara Non-Formal	40
2.5	Kemahiran al-Quran	42
2.5.1	Membaca Al-Quran	42

2.5.2	Menghafaz Al-Quran	47
2.5.3	Pengetahuan Ilmu Tajwid	48
2.5.4	Ulum al-Quran	51
2.6	Kajian Literatur	54
2.7	Penutup	64

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	66
3.3	Kaedah Kajian	66
3.4	Instrumen Kajian	67
3.5	Populasi Kajian	70
3.6	Sampel Kajian	71
3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan	73
3.8	Analisis Data	74
3.8.1	Analisis Deskriptif	75
3.8.2	Analisis Inferensi	76
3.8.3	Pemerhatian	77
3.9	Penutup	77

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	78
4.2	Profil Sampel	79
4.3	Analisis Deskriptif	80
4.3.1	Soalan Ujian	81
4.3.1.1	Tahap Kemahiran Al-Quran Pelajar SMK Dari Segi Bacaan	84

4.3.1.2	Tahap Kemahiran Al-Quran Pelajar SMK Dari Segi Hafazan	87
4.3.2	Soal Selidik	90
4.3.2.1	Tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari Segi Pengetahuan Tajwid	90
4.3.2.2	Tahap Kemahiran Ulum Al-Quran Pelajar SMK	92
4.4	Analisis Inferensi	96
4.4.1	Perbezaan Skor Min Tahap Kemahiran Al-Quran Berdasarkan Demografi Responden	96
4.5	Penutup	99

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	101
5.2	Kesimpulan Dapatan Kajian	102
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	109
5.4	Implikasi Kajian	118
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	120

RUJUKAN	123
----------------	-----

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Halaman
3.1	Gred Skala Bagi 10 Markah	68
3.2	Gred Skala Bagi 5 Markah	69
3.3	Skala Gred Pemarkahan Keseluruhan	69
3.4	Jadual Skala Likert	70
3.5	Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan	72
3.6	Jadual Interpretasi Skor Min	76
4.1	Profil Sampel mengikut Jantina	79
4.2	Profil Sampel mengikut Kekerapan Membaca al-Quran	79
4.3	Profil Sampel mengikut Umur Mempelajari al-Quran	80
4.4	Markah Ujian Bacaan dan Hafazan Secara Keseluruhan	81
4.5	Surah as-Sajdah	84
4.6	Surah al-Insan	85
4.7	Surah al-A`la	85
4.8	Hukum Nun Sakinah dan Mim Sakinah	86
4.9	Hukum Mad	86
4.10	Surah al-Insan	87
4.11	Surah al-Ghasiyah	88
4.12	Surah as-Sajdah	88
4.13	Surah al-Jumuah	89



4.14	Surah al-Waqiah	89
4.15	Tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari Segi Pengetahuan Tajwid.	90
4.16	Tahap Kemahiran Ulum Al-Quran Pelajar SMK	92
4.17	Perbandingan Min Kemahiran al-Quran	95
4.18	Jadual Ujian-t perbezaan Kemahiran al-Quran berdasarkan jantina	97
4.19	Jadual Ujian one-way anova kemahiran al-Quran berdasarkan kekerapan membaca al-Quran responden.	98
4.20	Rumusan Dapatan Inferensi	100



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Halaman

- | | |
|-----|--|
| 1.1 | Kerangka Konseptual kajian Tahap Kemahiran al-Quran pelajar SMK di daerah Kota Bharu |
|-----|--|

13



**SENARAI SINGKATAN**

AS	<i>Alaihissalam</i>
DQ	Darul Quran
KKQ	Kemahiran al-Quran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SAW	<i>Sollahualaihiwasallam</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>

SWT	<i>Subhaanahuwata`ala</i>
-----	---------------------------



SENARAI LAMPIRAN

- A INSTRUMEN SOALAN UJIAN
- B INSTRUMEN SOAL SELIDIK
- C PENGESAHAN STATUS PELAJAR
- D PENGESAHAN PELAJAR UNTUK MEMBUAT KAJIAN
- E SURAT KELULUSAN ETIKA
- F SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN (EPRD)
- G SURAT PERMOHONAN LANTIKAN PAKAR

BAB 1

PENGENALAN

Di Malaysia, subjek Pendidikan Islam merupakan subjek yang diwajibkan oleh setiap pelajar yang beragama Islam. Subjek Pendidikan Islam ini merupakan subjek teras dan mempunyai pelbagai bidang di dalamnya iaitu bidang tilawah al-Quran, Hadis, sirah, akhlak, akidah, ibadah dan sebagainya. Di dalam setiap subjek yang diperkenalkan, ianya mempunyai matlamat tersendiri yang ingin dicapai sama seperti subjek Pendidikan Islam iaitu KPM berhasrat untuk merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu:

Suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

(KPM, 2015)



Justeru, berpandukan kepada matlamat yang ingin dicapai oleh FPI dalam melahirkan insan yang beriman, beramal soleh, dan berakhlak mulia, tilawah al-Quran merupakan topik yang terpenting diibaratkan sebagai jantung bagi subjek Pendidikan Islam. Oleh itu, kajian yang akan dibincangkan adalah berkaitan bidang al-Quran kerana ia merupakan salah satu bidang yang boleh mempengaruhi sikap individu tersebut. Menurut KPM, tilawah al-Quran mempunyai tiga kemahiran yang perlu dicapai iaitu kemahiran membaca al-Quran, menghafaz ayat al-Quran dan mentadabbur yakni memahami ayat-ayat al-Quran.

1.2 Latar Belakang Kajian



Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril as. Al-Quran juga merupakan rujukan utama kepada umat Islam ini kerana ia merupakan kitab yang terpelihara sehingga hari kiamat. Al-Quran diturunkan di dalam bahasa Arab secara mutawatir selama 23 tahun yang dimulakan dengan surah al-Fatihah dan di akhiri dengan surah an-Nas. Sejarah penurunan al-Quran seringkali disambut oleh masyarakat Islam dan telah termaktub di dalam kalendar masihi mahupun hijri yang dikenali dengan nuzul al-Quran. Ini terbukti bahawa kitab al-Quran merupakan kitab yang teragung dalam Islam. Kitab al-Quran juga merupakan kitab suci yang mulia sehingga dapat memberikan kemuliaan kepada setiap individu yang membacanya sama ada menghafaz, mentelaah, mengajarkan serta memperdengarkannya. (Achmad Toha





Husein al-Mujahid, 2013) Sebagaimana dalam surah al-Waqiah, 56:77, firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah Al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), (77)*

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, JAKIM, 1989)

Menurut Tafsir Pimpinan ar-Rahman, ayat di atas menjelaskan bahawa al-Quran adalah kitab yang mulia, penuh dengan hikmah, dan sentiasa menjadi panduan bagi mereka yang mengikutinya.. Ini menunjukkan bahawa seseorang yang belajar dan mengajar akan berada dalam kalangan orang yang mulia dan terbaik di sisi Allah SWT. (Ab. Latiff Muda & Rosmawati Ali @ Mat zin, 2014). Selain itu ayat di atas juga menunjukkan bahawa begitu mulianya isi kandungan di dalam al-Quran kerana ia merupakan kata-kata yang datang daripada Allah SWT yang dijadikan sebagai petunjuk kepada manusia dari sudut hukum-hakam, nasihat dan pedoman ke arah jalan yang benar. Oleh itu, seseorang yang mempelajarinya serta mengetahui maksud isi kandungan al-Quran merupakan insan yang mulia.

Menurut Abdullah Mohd. Basmeih (2002) di dalam karya beliau iaitu Tafsir Pimpinan ar-Rahman, menyatakan bahawa al-Quran bukan sahaja untuk dibaca malah untuk difahami dan ditadabbur bagi menyuluh kehidupan seseorang ke arah yang lebih baik. Oleh itu, semua umat Islam perlu menghayati makna-makna di dalam al-Quran supaya dapat dijadikan panduan ke jalan benar. Hal ini bertepatan dengan prinsip keimanan seseorang yang perlu mematuhi segala perintah Allah SWT dan menjauhi larangan Allah SWT serta mematuhi segala yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Ini kerana ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW merupakan





perintah daripada Allah SWT. Jadi, semua umat Islam perlu mematuhi apa yang disampaikan oleh beliau. Buktinya di dalam firman Allah SWT dalam surah al-Nisa (4:80):

Maksudnya: *“Sesiapa yang taat kepada Rasulullah SAW, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan). (80)”*

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, JAKIM, 1989)

Menurut Tafsir Pimpinan Ar-Rahman yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun **1989**, ayat di atas ditafsirkan dengan menekankan bahawa ketaatan kepada Rasulullah SAW adalah ketaatan kepada Allah. Sementara itu, jika ada orang yang berpaling atau tidak taat, itu bukanlah tanggungjawab Rasulullah SAW untuk mengawasi atau memaksa mereka. Tafsir ini menegaskan bahawa tanggungjawab Rasulullah SAW adalah menyampaikan wahyu dan petunjuk Allah, bukan untuk mengawal setiap individu dari melakukan kesalahan. Ini mengingatkan Rasulullah SAW bahawa meskipun ada yang menolak atau ingkar, beliau tidak perlu berdukacita kerana tugasnya adalah menyampaikan ajaran dan bukan untuk memaksa keimanan. Oleh itu, semua perkara yang disampaikan oleh nabi Muhammad SAW perlu diikuti dan ditaati kerana ia merupakan sebahagian daripada ketaatan kepada Allah SWT. Seterusnya, ayat di atas juga menjelaskan bahawa Rasulullah SAW bertanggungjawab menyampaikan risalah yang diterima daripada Allah SWT kepada umat Islam di dunia ini.





Selain itu, ayat al-Quran juga perlulah dibaca dengan adab-adabnya seperti berada dalam keadaan bersih, tenang, menghadap kiblat, memulakan dengan bacaan istiazah serta membaca dengan tartil seperti di dalam surah al-Muzzamil, 73:4. Firman Allah SWT:

Maksudnya: *“Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil". (4)”*

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, JAKIM, 1989)

Berdasarkan ayat di atas menjelaskan bahawa seseorang perlu membaca ayat-ayat suci al-Quran dengan bertajwid dan betul. Hal ini demikian, menurut Ab. Latiff Muda & Rosmawati Ali @ Mat zin (2014), menjelaskan bahawa bacaan yang bertajwid dapat menghayati ayat-ayat al-Quran sehingga timbulnya kesan yang mendalam terhadap individu yang membacanya. Bukan itu sahaja, seseorang itu perlulah berusaha untuk mempelajari ilmu kemahiran al-Quran supaya dapat menguasai sepenuhnya ayat-ayat al-Quran.

Kemahiran al-Quran yang dimaksudkan merujuk kepada kemahiran membaca dan mentelaah yang harus ditingkatkan supaya tidak menjadi generasi buta al-Quran. (Ahmad Kamel Mohamed, 2006) Selain itu, setiap individu juga perlulah menguasai ayat-ayat al-Quran supaya memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat kerana melalui kitab al-Quran seseorang individu akan mengetahui tatacara kehidupan yang sebenar di dunia. (Danial Zainal Abidin, 2011). Oleh itu, kemahiran al-Quran perlu dikuasai sepenuhnya kerana ia memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan manusia sebagai seorang muslim khususnya.





Pada hakikatnya, pengajaran dan pembelajaran al-Quran telah bermula ketika zaman Rasulullah SAW lagi apabila malaikat Jibril as mengajar nabi Muhammad SAW ayat pertama dalam surah pertama yang diturunkan iaitu surah al-Alaq. Pengajaran ini dimulakan dengan menggunakan kaedah talaqqi musyafahah sehingga pelbagai kaedah telah diperkenalkan sehingga kini. Ia sejajar dengan usaha telah dilakukan oleh kerajaan dalam memastikan matlamat yang dirancang tercapai iaitu melahirkan masyarakat yang boleh membaca al-Quran.

Sementalahan itu, pembelajaran al-Quran perlu dimulai pada peringkat yang muda yakni pada usia kanak-kanak. Hal ini demikian, pada peringkat kanak-kanak ilmu yang dipelajari lebih mudah meresap berbanding di usia lebih tua yakni usia remaja. Di usia belasan tahun atau usia 20-an, remaja lebih terdedah dengan perkara-perkara yang negatif. Oleh itu, ilmu al-Quran sukar untuk difahami dengan lebih terperinci. Menurut Abdullah al-Amin al-Na'miy (1994) menyatakan bahawa pengajaran al-Quran pada usia kanak-kanak merupakan syiar dipegang oleh para pendokong al-Quran kerana wujud beberapa perkara yang mudah untuk diserap seperti keteguhan iman dan aqidah ayat-ayat al-Quran. Hal ini membuktikan bahawa kanak-kanak yang terdedah dengan ilmu al-Quran di usia muda lebih mudah memahami isi kandungan al-Quran.

Tambahan pula, pembelajaran ilmu al-Quran merupakan perkara penting bagi seseorang yang ingin membaca al-Quran secara bertajwid kerana tanpa ilmu yang betul ia boleh mengubah makna ayat al-Quran itu sendiri. Oleh itu, pembaca al-Quran perlu mempelajari ilmu-ilmu al-Quran bagi mengetahui secara lebih terperinci isi kandungan al-Quran. Tambahan pula, golongan yang mempelajari al-Quran juga





diberikan keistimewaan yang tinggi ketika berada di dunia mahupun di akhirat kerana keistimewaan yang terkandung di dalam kitab al-Quran. Hal ini berpandukan kepada hadith daripada Uthman Ibn Affan daripada Rasulullah SAW:

خيركم من تعلم القرآن وعلمه

Maksudnya: *Sebaik-baik kamu mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain.*

(Hadith Riwayat Bukhari, 1989, No. Hadis: 5028, Kitab Fadhail al-

Quran, Bab Khairukum Min Ta`alum al-Quran wa a`lamahu)

Berdasarkan kepada hadith di atas, ia jelas menunjukkan bahawa seseorang yang mempelajari ilmu al-Quran akan tergolong dalam golongan manusia yang terbaik di sisi Allah SWT. Oleh kerana itu, kajian ini lebih menfokuskan kepada penguasaan murid terhadap kemahiran al-Quran.

1.3 Penyataan Masalah

Merujuk kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Menengah, bidang al-Quran merupakan salah satu bidang di dalam subjek Pendidikan Islam. (KPM, 2015) Oleh itu, bagi mencapai objektif di dalam bidang ini, kerajaan telah meletakkan matlamat utamanya untuk melahirkan generasi cemerlang yang seimbang antara dunia dan akhirat. Namun begitu, matlamat tersebut telah memberi sedikit impak kepada generasi masa kini kerana wujudnya beberapa kelemahan yang dikenalpasti dalam kalangan pelajar iaitu dari segi kemahiran membaca al-Quran, kelancaran,





fasahah dan sebagainya. (Raja Abdullah Raja Ismail et.al, 2015). Hal ini terbukti, di dalam kajian yang telah dibuat sebelum ini. ia menunjukkan bahawa tahap penguasaan bacaan murid berada pada tahap yang masih lemah walaupun telah mempelajarinya ketika berada di peringkat sekolah rendah. (Zetty Nurzuliana Rashed et.al, 2015)

Permasalahan kajian yang utama adalah berkaitan dengan tahap penguasaan bacaan al-Quran di kalangan murid yang masih lemah. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Hasani Ghazali & Rosmawati Razak (2023) & Norwardatun Mohamed Razali, Siti Rosilawati Ramlan & Maisarah Saidin (2021), mendapati bahawa tahap bacaan al-Quran murid di peringkat menengah masih lagi berada pada tahap yang lemah. Hal ini disebabkan, murid tidak menguasai kemahiran bacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah walaupun pelbagai program telah dijalankan bagi meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran (Norwardatun Mohamed Razali et.al, 2021). Oleh itu, apabila memasuki alam persekolahan di peringkat menengah murid tidak dapat membaca al-Quran dengan sempurna dan tartil.

Permasalahan kajian yang kedua adalah penguasaan hafazan al-Quran di peringkat sekolah menengah masih berada pada tahap yang memuaskan. Buktinya, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Marzuqi Abdul Rahim et.al (2021), menunjukkan penguasaan hafazan pelajar berada di tahap interpretasi sederhana tinggi (min 3.83, sp=0.39). Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan murid dalam hafazan al-Quran adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Ia mungkin berpunca daripada kelemahan pengurusan masa, ketiadaan kemahiran yang sistematik dan ketiadaan guru yang memiliki ikhtisas atau pakar dalam bidang al-





Quran atau kekurangan prasarana dan tenaga pengajar (Norwardatun Mohamed Razali et.al, 2021).

Permasalahan ketiga dalam kajian ini ialah pengetahuan ilmu tajwid yang lemah dalam kalangan murid. Menurut kajian oleh Norwardatun Mohamed Razali, Siti Rosilawati Ramlan & Maisarah Saidin (2021), menunjukkan bahawa masih wujud murid yang tidak menguasai ilmu tajwid. Hal ini demikian, penguasaan ilmu tajwid kurang dipraktikkan di dalam bacaan al-Quran seseorang murid (Fathiyah Mohd Fakhruddin et.al, 2020). Kesalahan yang biasa dapat dilihat dalam melafazkan huruf-huruf dalam al-Quran masih wujud walaupun telah melalui bimbingan bacaan dalam tempoh masa yang tertentu (Wan Muhammad Hafizuddin Wan A. Halim, Abdul Jalal Abdul Manaf & Abd Rahman Abd Ghani, 2024). Menurut Muhammad Syukri Zahari et. al, (2020) menyatakan bahawa keupayaan membaca al-Quran dengan tepat dan betul merupakan kesan daripada tahap penguasaan tajwid yang merupakan etika dalam bacaan. Oleh itu, semua murid yang mengenal huruf boleh membaca dengan lancar namun, tidak semua murid yang membaca al-Quran dapat mengaplikasikan ilmu tajwid di dalam bacaan mereka.

Selain itu, kebanyakan murid tidak memahami konsep asas dalam hukum tajwid dan tidak mengingati nama hukum tajwid (Muhammad Amirul et al. 2021). Contohnya, kesalahan dari segi bacaan keperluan sebutan yang wajib dengung dan sebutan yang tidak perlu untuk didengungkan dalam bacaan tertentu. Oleh itu, ia terbukti di dalam kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan kesalahan asas di dalam ilmu tajwid yang biasa dijumpai seperti huruf dan baris yang betul dalam bacaan, hukum mad, dengung, makhraj huruf dan sifat huruf, tafkhim dan tarqiq





serta waqaf dan ibtida` (Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailani, 2015). Hal ini juga berkemungkinan berpunca daripada program-program bacaan al-Quran yang sepatutnya dianjurkan tidak mendapat sambutan dalam kalangan murid sekolah rendah, sekolah menengah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi. (Fairuz Samsudin, 2011). Menurut Sapie Sabilan et.al (2018), program-program berkaitan bacaan al-Quran telah dianjurkan akan tetapi masih wujud murid yang gagal menguasai kemahiran bacaan al-Quran kerana menurut (Suryati, 2013) program yang dianjurkan tersebut tidak mencapai standard KPM seperti Program Enam bulan Khatam al-Quran dan Tasmik.

Permasalahan kajian yang keempat adalah berkaitan dengan kelemahan penguasaan ulum al-quran di kalangan murid yang mengambil subjek KKQ. Ulum al-Quran adalah segala ilmu yang berkaitan dengan al-Quran sama ada mengkaji tentang Al-Quran dan perkara yang berkaitan dengannya (Syed Muhammad Shahrizal, 2016). Oleh itu, berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Mohd Hakim Mothar Rijan, Mahmood Sabtu & Azmi Budin (2021), mengatakan bahawa penghayatan dan penguasaan terhadap makna-makna ayat al-Quran kurang diberi perhatian dalam memenuhi tuntutan al-Quran secara holistik. Hal ini membuktikan bahawa penghayatan penguasaan tentang al-Quran masih berada tahap yang kurang memuaskan. Tambahan pula, penguasaan makna-makna ayat al-Quran merupakan elemen penting dalam penghayatan al-Quran. Kajian juga mendapati penguasaan makna-makna ayat al-Quran yang dihafaz oleh pelajar kurang diberi perhatian dikebanyakan Institusi Tahfiz. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi melihat sejauh penguasaan ulum al-Quran di kalangan murid.





Walaupun bagaimanapun, bagi memastikan kitab al-Quran terpelihara dari sebarang penyelewengan dan ketidaktepatan seperti yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, perlunya kemahiran yang mantap bagi melancarkan proses mempelajari dan membaca al-Quran dengan lebih tepat serta dengan sebutan yang benar (Mohd Aderi et al. 2019). Namun, dalam memastikan pelajar mencapai penguasaan terhadap kemahiran al-Quran yang merangkumi kemahiran membaca, menghafaz dan memahami ayat-ayat al-Quran, guru hendaklah memastikan kemahiran al-Quran yang dipraktikkan sering dipertingkatkan. (Rozita Md. Noh, 2018).

Tuntasnya, kemahiran al-Quran merupakan salah satu komponen penting dalam Pendidikan Islam yang perlu dikuasai oleh para pelajar. Oleh itu, melalui pernyataan masalah yang dinyatakan di atas, ia menunjukkan bahawa para pelajar tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran al-Quran terutama melibatkan hukum tajwid. Jadi, dengan masalah-masalah yang dikemukakan, kajian yang dibuat adalah berkaitan dengan tahap kemahiran al-Quran sama ada dari sudut pengetahuan tajwid bacaan, hafazan dan kefahaman dalam ulum al-Quran. Melalui keempat-empat kemahiran, pembaca dapat melihat kemahiran yang paling dominal di kalangan para pelajar.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana tahap kemahiran al-Quran murid Sekolah Menengah Kebangsaan sama ada dari segi





bacaannya, hafazannya dan kefahamannya dalam bidang tajwid. Kajian ini juga akan mengkaji tentang tahap pencapaian pelajar terhadap kemahiran al-Quran.

1.5 Objektif Kajian

- 1) Mengenalpasti tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari segi bacaan.
- 2) Mengenalpasti tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari segi hafazan.
- 3) Mengenalpasti tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari segi pengetahuan tajwid.
- 4) Mengenalpasti tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari segi ulum al-Quran.
- 5) Mengkaji perbezaan tahap kemahiran al-Quran berdasarkan demografi responden.

1.6 Persoalan Kajian

- 1) Apakah tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari segi bacaan?
- 2) Apakah tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari segi hafazan?
- 3) Apakah tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari segi pengetahuan tajwid.
- 4) Apakah tahap kemahiran al-Quran pelajar SMK dari segi ulum al-Quran.
- 5) Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran al-Quran berdasarkan kepada demografi responden.




1.7 Hipotesis Kajian

H_{o1} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min perbezaan kemahiran al-Quran berdasarkan jantina responden.

H_{o2} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min perbezaan kemahiran al-Quran berdasarkan kekerapan membaca al-Quran responden.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual kajian Tahap Kemahiran al-Quran pelajar SMK



Berdasarkan kepada kerangka konseptual di atas, ia menunjukkan gambaran kajian secara umum. Kajian yang akan dilakukan ini bertujuan melihat sejauh mana tahap kemahiran al-Quran terhadap pelajar. Oleh itu, kerangka di atas adalah untuk memperlihatkan proses kajian ini dijalankan supaya tidak melangkau jauh dari landasan yang sebenar. Kerangka konseptual ini juga menunjukkan hubungan antara satu sama lain bagi mendapatkan dapatan yang berkualiti antara pemboleh ubah.

1.9 Kepentingan Kajian

1.9.1 Kementerian Pelajaran Malaysia

Kajian ini perlu dilakukan supaya KPM dapat mengetahui sejauh mana matlamat yang dirancang tercapai sepenuhnya ataupun tidak. Matlamat KPM adalah untuk melahirkan pelajar celik al-Quran berdasarkan kepada program-program yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan penguasaan pelajar terhadap kemahiran al-Quran. Oleh itu, dengan adanya kajian ini, KPM dapat mengenalpasti sejauh mana penguasaan kemahiran al-Quran yang diperolehi kepada para pelajar sama ada dari sudut bacaan, hafazan mahupun pemahaman.

1.9.2 Guru

Kajian ini perlu dilakukan kerana guru dapat mengenalpasti kelemahan pelajar dalam bidang al-Quran dari segi ilmu tajwid, fasahah dan sebagainya. Guru juga dapat mengaplikasikan pelbagai kaedah kepada pelajar bagi mengatasi masalah yang timbul





dalam bidang al-Quran serta dapat mengaplikasikan kaedah berdasarkan kelemahan pelajar. Selain itu, guru juga dapat mengenalpasti sama ada kaedah-kaedah, gaya pengajaran yang telah digunakan berkesan atau sebaliknya.

1.9.3 Pelajar

Kajian ini seharusnya dilakukan bagi mengetahui kelemahan yang terdapat dalam kalangan pelajar dalam bidang al-Quran. Ini kerana, setiap bidang di dalam subjek Kemahiran al-Quran (KKQ) mempunyai kaedah yang berbeza mengikut kesesuaian topik yang dibincangkan. Selain itu, pelajar juga akan mengenalpasti kesalahan yang biasa dilakukan terutama melibatkan hukum tajwid. Oleh itu, kajian ini serba sedikit dapat membantu pelajar yang kurang fasih dalam membaca al-Quran dengan bertajwid ke arah yang lebih baik dan lancar.



1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar yang mengambil subjek Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sahaja di daerah Kota Bharu yang mana sekolah tersebut merupakan sekolah harian biasa bukan sekolah berasrama penuh. Pelajar SMKA tidak terlibat dalam kajian ini bagi mengecilkan skop kajian. Kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif yang menggunakan instrumen kajian soalan ujian dan soal selidik bagi mendapatkan maklumat tentang kajian. Oleh itu, soalan ujian dan borang soal selidik akan diedarkan di beberapa buah sekolah di daerah Kota Bharu secara rawak mengikut kaedah persampelan yang telah





ditetapkan. Hasil dari dapatan yang diperoleh tidak akan memperlihatkan kepada keseluruhan pelajar yang mengambil subjek Kemahiran al-Quran di Malaysia.

Seterusnya, pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah dari kalangan pelajar tingkatan satu sahaja. Hal ini demikian, pelajar tersebut tidak terlibat dengan mana-mana peperiksaan penting seperti PT3 dan SPM. Tambahan pula, pelajar tersebut telah dikira matang berdasarkan umurnya dan telah melalui pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah. Responden yang terlibat pula seramai 108 orang bagi mendapatkan maklumat tentang kajian yang telah dirancang ini. Kajian ini juga lebih menfokuskan terhadap tahap kemahiran al-Quran pelajar di SMK.



1.11.1 Kemahiran

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua dan Kamus Dewan Edisi Keempat, kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian dalam melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, kemahiran merangkumi kemahiran membaca al-Quran secara bertajwid, menghafaz al-Quran dan memahami ayat al-Quran secara tersurat dan tersirat.





1.11.2 Al-Quran

Al-Quran pula didefinisikan sebagai kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada nabi Muhammad SAW sebagai rujukan dalam hidup manusia di dunia dan akhirat. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

1.12.3 Kemahiran Al-Quran

Kemahiran al-Quran adalah salah satu komponen penting bagi pengetahuan kandungan pedagogi dalam pengajaran tajwid al-Quran. (Al-Qabisi, 1957). Kemahiran al-Quran juga merangkumi tajwid al-Quran, hafazan al-Quran dan kefahaman dalam al-Quran (KPM, 2004). Dalam konteks kajian ini, kemahiran al-Quran merupakan kemahiran yang diperolehi pelajar terhadap al-Quran dari segi pembacaan, hafazan dan kefahaman. Kefahaman al-Quran dalam kajian melibatkan pengetahuan tajwid serta ulum al-Quran.

1.13 Penutup

Tuntasnya, bab ini membincangkan secara menyeluruh berkaitan topik yang akan dikaji iaitu berkaitan kemahiran al-Quran dalam kalangan pelajar. Penjelasan yang dinyatakan di dalam bab ini merangkumi pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori dan konseptual, batasan kajian serta definisi topik yang dikaji. Melalui huraian yang





terperinci ini diharap dapat membantu memberi gambaran serba sedikit tentang kajian yang akan dijalankan serta dapat mencapai matlamat yang dirancang.

